



# Singapore Book Council

Building Our Imagine-nation

Diembargo sehingga

18 Julai 2022, 11 pagi (+0800 GMT)

## SENARAI PENDEK SLP 2022 DIUMUMKAN

**Pemenang Pingat Budaya dan Anugerah Persuratan Suratman  
Markasan dan Farihan Bahron antara yang disenarai pendek**



Singapura, 18 Julai 2022 – Sebanyak **49 karya telah disenarai pendek** untuk anugerah persuratan unggul dwitahunan Singapura, iaitu Hadiah Sastera Singapura (SLP) yang dinanti-nantikan. Majlis Anugerah akan diadakan di Panggung Victoria dan dibuka kepada orang ramai, pada **25 Ogos 2022 pada 8 malam**. Profesor Emeritus dan perintis sastera Edwin Thumboo akan dianugerahi dengan Anugerah Pencapaian SBC dalam majlis anugerah tersebut.

Sebanyak 49 karya telah disenarai pendek dalam 12 kategori, merentasi tiga genre, iaitu puisi, fiksyen dan bukan fiksyen kreatif, dan empat bahasa, iaitu bahasa Cina, Inggeris, Melayu dan Tamil. Sejumlah 43 orang penulis akan bersaing untuk merebut anugerah utama dalam setiap kategori, yang menawarkan hadiah wang tunai S\$ 3,000 dan trofi yang ditempah khas. Lebih separuh daripada penulis disenarai pendek (28) buat kali pertama, manakala lima akan bertanding dalam dua atau lebih kategori berbeza, termasuk sasterawan Suratman Markasan yang mempunyai



# Singapore Book Council

Building Our Imagine-nation

dua penyertaan yang disenarai pendek bagi kategori bukan fiksi kreatif Melayu. Suratman Markasan merupakan pengkarya yang paling tua untuk disenarai pendek bagi SLP 2022, di samping sejarawan Wang Gungwu. Kedua-duanya berusia 92 tahun menjelang akhir tahun ini.

2022 menandakan 30 tahun sejak SLP mula diadakan pada 1992 dan menyaksikan kembali kategori Kegemaran Pembaca SLP. Khalayak umum dijemput mengundi secara dalam talian untuk buku kegemaran mereka yang disenarai pendek dalam bahasa Cina, Inggeris, Melayu dan Tamil. Penulis yang menang masing-masing akan menerima hadiah wang tunai sebanyak S\$ 1,000, dengan salah seorang pengundi mereka berpeluang memenangi baucar buku.

Farihan Bahron, yang pernah memenangi Anugerah Persuratan dan SLP sebelum ini, disenarai pendek dalam kategori puisi dan cereka Melayu. Beliau disertakan dalam kategori puisi Melayu bersama-sama Hartinah Ahmad, yang telah memenangi SLP 2016 bagi puisi *Tafsiran Tiga Alam*, yang dikarang bersama Hamed Ismail dan Samsudin Said. H.B. Johar dan Muhammad Khairool Haque melengkapi senarai penyair Melayu yang disenarai pendek. Bagi kategori fiksi pula, Farihan disertai oleh Djohan Rahman dan Maarof Salleh, kedua-dua mereka pernah disenarai pendek untuk SLP, dan Mohamed Naguib Ngadhan, yang buat kali pertama disenarai pendek bagi SLP.

SLP 2022 menerima sejumlah 192 penyertaan yang merangkumi pelbagai kategori dan karya-karya yang disenarai pendek meliputi pelbagai topik, dan mewakili generasi penulis yang berbeza.

Sila rujuk Lampiran A dan B untuk senarai pendek penuh karya-karya Melayu.

Maklumat lanjut tentang penulis dan buku yang disenarai pendek dan pengadil dalam kategori Inggeris, Tamil dan Cina boleh dimuat turun di [sini](#).



# Singapore Book Council

Building Our Imagine-nation

Untuk maklumat lanjut, sila lungsur <https://bookcouncil.sg/awards/singapore-literature-prize>. Maklumat lanjut mengenai program dan Majlis Anugerah akan dimuat naik ke laman web pada hari-hari akan datang.

## Majlis Anugerah SLP 2022

Tarikh: 25 Ogos 2022, 8 malam SGT

Tempat: Panggung Victoria

Orang ramai boleh mendaftar untuk menghadiri majlis di [sini](#).

---

Untuk pertanyaan berkaitan dengan media, sila hubungi:

Ethan Leong | [ethan@bookcouncil.sg](mailto:ethan@bookcouncil.sg) | +65 90213611

###



## Lampiran A: Kategori Melayu SLP 2022

### Puisi

Kata-kata penilai:

Panel hakim menyenaraipendekkan empat kumpulan puisi bagi Singapore Literature Prize (SLP) 2022. Empat kumpulan tersebut ialah Anak Waktu Belajar Diam, Gandoura, Perahu Sudah Dipecahkan Khidir, dan Tang Ke Ting (judul disebut mengikut urutan abjad), nukilan empat penyajak kontemporari Singapura. Panel melakukan penyaringan berdasarkan kriteria yang dirangka Sekretariat meliputi tiga landas utama dalam penilaian karya, meliputi merit susastera, inovasi dan kesan. Setiap landas digunakan serapi mungkin dalam panel menilai semua penyertaan dengan saksama. Karya yang disenaraipendekkan sesungguhnya menawarkan kepelbagaian subjek yang menarik kupasan serta bahasan. Penyajak umumnya menunjukkan keupayaan yang tinggi dalam menghantar pemikiran melalui pemilihan idea yang disaring cermat serta sangat impresif juga. Panel telah menemukan kecenderungan penyajak menumpukan pemikiran dalam satu-satu kelompok tema yang khas, manakala yang lain ada yang memilih mengutarakan persoalan yang pelbagai. Membanggakan, karya mengangkat persoalan menggunakan gaya penggarapan puisi yang sejajar, bermaksud ada keseimbangan antara subjek dengan penggunaan segala sarana sastera yang diperlukan. Ada inovasi yang memukau dalam karya yang menganjakkan pengucapan ke aras membanggakan di samping tekun meninggalkan lapis-lapis kesan yang mampu meletakkan puisi sebagai wadah ampuh melanggamkan kehidupan, kemanusiaan dan ketuhanan. Melihat kepada pencapaian ini, tidak syak lagi keempat-empat karya wajar diangkat ke perbincangan akhir bagi memilih penerima Singapore Literature Prize (SLP) 2022.



# Singapore Book Council

Building Our Imagine-nation

## **Bukan Fiksyen Kreatif**

Kata-kata penilai:

"Panel pengadil SLP 2022 telah mengangkat 3 naskah daripada kategori Bukan Fiksyen untuk diiktiraf oleh anugerah ini.

Dua dari tiga naskah diterima dari seorang penulis mampan Haji Suratman Markasan, sementara satu naskah lagi merupakan naskah sulung Ali bin Salim.

Ketiga-tiga naskah menyajikan tema yang agak berbeza. Karya pertama Suratman Markasan bertajuk Membina Kritikan Sastera di Singapura (Jilid 2) dan menyimpulkan persoalan masa depan sastera Singapura dan siapakah generasi seterusnya yang akan meneruskan semangat kesusasteraan Melayu Singapura. Karya keduanya dengan judul Mengapa Saya Menulis memuatkan pemikiran komprehensif tokoh Asas 50 ini tentang komitmennya sabagai tokoh Melayu-Islam meneguhkan jati diri Melayu melalui penulisannya. Penulisan Ali bin Salim pula membawakan sejarah dan peristiwa peribadi penulis bermastautin di Kampong Keranji dari tahun 1948 -1973, sambil menyelitkan kisah kepercayaan nenek moyang dan sejarah tempatan yang banyak memberi bahan ilmu dan renungan.

Para pengadil terkesan akan kualiti naskah yang diterima dari kedua penulis dalam kategori ini dan menaruhkan harapan kami bahawa terdapat seorang penulis mampan dan seorang penulis mutakhir yang bakal menerima anugerah ini. Moga-moga penulis-penulis lama terus di prasada dan yang baru tampil bersama."



## Fiksyen

Kata-kata penilai:

"Secara keseluruhannya, karya yang diterima dan dinilai untuk Hadiah Sastera Singapura 2022 bagi Kategori Fiksyen dalam Bahasa Melayu menunjukkan keupayaan dalam penghasilan karya sastera yang bermutu dari segi idea, pemikiran, bahasa dan strategi naratif masing-masing. Kebanyakan karya yang dinilai didapati mencapai tahap kreativiti sebagai hasil karya yang bersifat kontemporari dalam menerapkan pelbagai pendekatan dan aliran.

Secara umumnya, karya-karya yang dipilih untuk berada dalam senarai pendek di atas jelas mempamerkan keistimewaan dan kelebihan tersendiri. Selain memberikan kesan hiburan, lebih penting didapati cerpen-cerpen tersebut mencabar daya penaaakulan pembaca untuk berfikir secara kritis dan menikmati ketajaman pemikiran pengarang tentang situasi masa kini masyarakat Singapura dari sudut pandang Melayu, melalui kerencaman teknik persembahan. Sebahagian daripadanya tidak lagi terikat dengan konvensi penulisan naratif yang menjadikan aspek watak, plot, latar, tema dan konflik sebagai keutamaan, sebaliknya naratif diapungkan antara fantasi dan realiti, antara aliran absurd dan surrealisme, antara tradisi dan moden yang mempamerkan kebaharuan teknik penulisan. Kenyataan tersebut meletakkan keempat-empat karya di atas sebagai pencapaian penting dalam sastera Melayu Singapura yang perlu dihargai."

Lampiran B: Senarai Pendek SLP 2022 (Kategori Melayu)

Kategori: Puisi

No.	Penulis	Bio	Tajuk Buku	Sinopsis
1	<b>Farihan Bahron</b> 	Farihan Bahron, penerima Anugerah Harapan 2017, pernah memenangi beberapa sayembara penulisan kreatif termasuk Peraduan Asah Bakat, dan Anugerah Pena Emas 2015- Puisi dan Cerpen Kumpulan sajak Farihan yang pertama, <i>Tukang Tunjuk Telunjuk</i> , memenangi Hadiah Sastera Singapura 2018 dan Anugerah Persuratan 2021 bagi kategori puisi Melayu.	<b><i>Tang Ke Ting</i></b>  <b>(Penerbitan Kata-Pilar (M))</b>	<i>Tang Ke Ting</i> ialah kumpulan 48 puisi hasil Farihan Bahron yang menerima Hadiah Utama untuk Sayembara Puisi KataPilar 2.0 pada 2020. Kumpulan ini merangkumi pelbagai tema, namun yang paling ketara adalah kesan teknologi ke atas masyarakat sejagat.

No.	Penulis	Bio	Tajuk Buku	Sinopsis
2	<b>Hartinah Ahmad</b> 	<b>binte</b> Mula menulis pada tahun 1971. Menulis lebih dari 150 lirik. Skrip drama untuk saluran TV SURIA sejak tahun 1982. Penerbitan solo; <i>Gandoura</i> , <i>Senja Merah</i> . Memenangi Anugerah Pena Emas (Puisi) pada tahun 2013, 2017, 2019. Memenangi Hadiah Sastera Singapura pada tahun 2016 dan Anugerah Persuratan (2017).	<b>Gandoura</b>  <b>(Ombak Scripthouse Production)</b>	Jika yang dicari dalam puisi ialah nikmat pencarian dan penemuan makna, kumpulan puisi ini memberikan jawapannya. Kumpulan puisi yang mengandungi isu-isu kemanusiaan dari kutipan kehidupan seharian. Ada kisah yang disampaikan secara dramatik untuk memberi emosi dalam pengkaryaan dan menduga minda pembaca.





No.	Penulis	Bio	Tajuk Buku	Sinopsis
3	<b>H.B. Johar</b> 	<p>H.B. Johar atau sebelumnya dikenali sebagai Johar Buang merupakan seorang penulis dan penyair Melayu Singapura yang pernah menerima Anugerah Penulis Asia Tenggara 2010 dan Anugerah Tun Seri Lanang 2015. Mula berkarya dari awal 1980-an, tulisan-tulisannya mencakupi bidang puisi, cerpen dan esei, tetapi minatnya lebih terarah kepada puisi-puisi sufi.</p>	<b>Perahu Sudah Dipecahkan Khidir</b>  <b>(Unggun Creative)</b>	<p><i>Perahu Sudah Dipecahkan Khidir</i> adalah ekspresi cinta dan kerinduan. Penyair melakukan perjalanan untuk mendekati Al-Khalik dengan cara mentafsir alam dan membersihkan jiwa, selaras dengan makna sufisme yang diambil daripada perkataan safa yang bermaksud suci dan bersih.</p>



No.	Penulis	Bio	Tajuk Buku	Sinopsis
4	<b>Muhammad Khairool Haque</b> 	<p>Muhammad Khairool Haque ialah seorang penulis dan pendidik. Beliau telah menerima Anugerah Pena Emas pada 2009 bagi puisi dan Anugerah Penulis Muda ASEAN pada 2014. Buku tulisannya termasuk <i>Iffitah</i>, <i>Syair Asas Ugama</i> dan <i>Anak Waktu Belajar Diam</i>. Beliau telah berbicara dalam Festival Penulis Singapura dan pelbagai acara lain.</p>	<b>Anak Waktu Belajar Diam</b>  <p>(Unggun Creative)</p>	<p><i>Anak Waktu Belajar Diam</i> ialah himpunan puisi buat pemuda yang mendewasa. Melalui puisi yang berselang-seli dengan perumpamaan Melayu dahulu kala, penyair mengajak pembaca memungut hikmat orang lama sambil berjalan sebagai anak waktu yang mengenal diam dalam bicara dan bicara dalam diam.</p>



## Kategori: Bukan Fiksyen Kreatif

No.	Penulis	Bio	Tajuk Buku	Sinopsis
1	<b>Ali bin Salim</b> 	Ali Bin Salim dilahirkan pada tahun 1948 di Kampong Keranji. Beliau turut menghadiri Maktab Perguruan dari tahun 1965 hingga 1968. Beliau langsung mula mengajar, selepas menyelesaikan berkhidmat negara sebagai seorang pelatih di SAFTI, dan terus mengajar sehingga beliau bersara pada tahun 2004.	<b><i>Kampong Keranji</i></b> <b>1948 -1973</b> 	Sebuah memoir Ali bin Salim selama 25 tahun tinggal di Kampong Kranji. Buku ini penuh dengan sejarah, peristiwa, petua ,nasihat dan ilmu yang menarik dan jarang di dengar dan ketahui. Ia membuat pembaca merasa nostalgia dan ingin kembali atau merasai kehidupan pada zaman itu.

(IQrak Publication & Distribution)

No.	Penulis	Bio	Tajuk Buku	Sinopsis
2	<b>Suratman Markasan</b> 	Suratman Markasan dilahirkan pada 29 Disember 1930 di Pasir Panjang, Singapura. Beliau meraih pelbagai anugerah termasuklah Anugerah Montblanc-NUS Centre for Arts Literary Award, SEA Write Award, Anugerah Tun Seri Lanang, Anugerah Sastera Nusantara Johor Baharu, Anugerah Tokoh Pujangga UPSI dan Pingat Budaya.	<b>Mengasah Kalam Jilid 2</b>  (Unggun Creative)	Kumpulan esei <i>Mengasah Kalam Jilid 2</i> oleh Suratman Markasan ini merupakan sambungan kepada buku pertama <i>Mengasah Kalam Jilid 1</i> . Selain itu, kritikan dan analisis terhadap tokoh dan karya turut dilakukan kepada karya-karya Masuri S.N., Mohamed Latiff Mohamed, Isa Kamari, Johar Buang dan Eunosasah.

No.	Penulis	Bio	Tajuk Buku	Sinopsis
3	<b>Suratman Markasan</b> 	<p>Suratman Markasan dilahirkan pada 29 Disember 1930 di Pasir Panjang, Singapura. Beliau meraih pelbagai anugerah termasuklah Anugerah Montblanc-NUS Centre for Arts Literary Award, SEA Write Award, Anugerah Tun Seri Lanang, Anugerah Sastera Nusantara Johor Baharu, Anugerah Tokoh Pujangga UPSI dan Pingat Budaya.</p>	<b>Mengapa Saya Menulis</b> 	<p>Suratman Markasan memperjuangkan 'keadilan' di dalam kebanyakan karya beliau seperti novel <i>Kembali Kepada al-Quran</i>. Buku <i>Mengapa Saya Menulis</i> merupakan mutiara yang sangat tinggi dalam ranah dan khazanah Melayu Singapura. Buku ini ialah sebuah bacaan penting bagi pengkaji, peminat dan pelajar sastera Melayu Singapura.</p>

**(Angkatan Sasterawan 50)**

Kategori: Fiksiyen

No.	Penulis	Bio	Tajuk Buku	Sinopsis
1	<p><b>Djohan bin Abdul Rahman</b></p> 	<p>Djohan A Rahman mula menulis pada tahun 1991 untuk kumpulan dikir baratnya Andika. Cerpen pertama beliau <i>Salah Siapa</i> telah memenangi Hadiah Persuratan Kategori Remaja pada tahun 2001. Karya beliau juga pernah diterbitkan di Singapura, Malaysia, Brunei dan Indonesia. Buku solonya <i>Tika Aksara Menari</i> telah disenaraipendekkan sebagai salah anugerah Hadiah Kesusasteraan Singapura 2018.</p>	<p><b><i>Interlud</i></b></p>  <p>(Unggun Creative)</p>	<p>Kumpulan cerpen <i>Interlud</i> memaparkan 19 buah cerpen hasil tulisan Djohan A Rahman. Kekuatan pengkaryaan Djohan terletak pada nada dan aksi lucu, serta caranya yang bersahaja dalam menyampaikan mesej yang berat-berat. Namun, Djohan sebagai seorang penulis mempunyai sisi-sisi lain yang telah dipaparkan dalam kisah-kisahnyanya yang adakalanya seram, ngeri dan menyayat hati.</p>

No.	Penulis	Bio	Tajuk Buku	Sinopsis
2	<b>Farihan Bahron</b> 	<p>Farihan Bahron, penerima Anugerah Harapan 2017, pernah memenangi beberapa sayembara penulisan kreatif termasuk Peraduan Asah Bakat, dan Anugerah Pena Emas 2015- Puisi dan Cerpen Kumpulan sajak Farihan yang pertama, <i>Tukang Tunjuk Telunjuk</i>, memenangi Hadiah Sastera Singapura 2018 dan Anugerah Persuratan 2021 bagi kategori puisi Melayu.</p>	<b>Kepala Kotak</b>  <b>(Unggun Creative)</b>	<p>Kumpulan cerpen <i>Kepala Kotak</i> oleh Farihan Bahron menyajikan 15 buah cerpen yang ditulis dari 2017 hingga 2021. Tema-tema yang diangkat dalam kumpulan ini merangkumi pergelutan antara manusia dengan teknologi dan dunia masa depan.</p>


No.	Penulis	Bio	Tajuk Buku	Sinopsis
3	<b>Maarof Salleh</b> 	<p>Maarof Salleh, pesara yang berpengalaman lebih 40 tahun mengajar, masih meneruskan minat menulis. Dulunya di bidang esei berkaitan masyarakat dan perkembangan Islam semasa, kini di bidang sastera kreatif terutama cerpen dan puisi. Cerpennya, <i>Kereta Api</i> menang hadiah pertama Anugerah Pena Emas. Lapan bukunya telah diterbitkan.</p>	<b>Bara</b>  <b>(Unggun Creative)</b>	<p><i>Bara</i> yang ditulis oleh Maarof Salleh ini mengandungi 12 buah cerita berunsurkan sejarah dalam buku. Kumpulan cerpen yang menghimbau sejarah melalui watak-watak signifikannya mengajak kita menggali, menyelam dan menilai kembali hubungan antara prinsip, dalam konteks yang mungkin terpisah dari kehidupan masakini, namun mengajak kita mencari kesesuaian dan kerelevanannya.</p>



No.	Penulis	Bio	Tajuk Buku	Sinopsis
4	<b>Mohamed Naguib bin Ngadnan</b> 	<p>Mohamed Naguib bin Ngadnan mula menulis sejak usia remaja. Beliau penerima dua Anugerah Persuratan: dengan 'Satu Perjalanan' (Penghargaan), dan dengan sajak bertajuk 'Kita Yang Dijilat Gincu Peluru'. Pada tahun 2019, beliau telah menerima tempat pertama dalam sayembara Golden Point Award bagi kategori Cerpen dengan 'Saudagar Pagar'.</p>	<b>Saudagar Pagar (Kumpulan Cerpen)</b>  <p>(Unggun Creative, 2021)</p>	<p>Mohamed Naguib Ngadnan, penulis kumpulan cerpen, <i>Saudagar Pagar</i> ini memaparkan keunikannya melalui eksperimentasi dalam teknik-teknik penceritaan. Dalam kumpulan cerpennya yang sulung ini, beliau memanfaatkan teknik kejutan, simbolisme, alusi, parodi dan gabungan lukisan dan kata-kata, membina gaya dan suara yang lain daripada lain di persada sastera Melayu Singapura.</p>

Imej penulis dan kulit buku boleh dimuat turun di [sini](#).

**Lampiran C: Penerima Anugerah Pencapaian SBC**

No.	Recipient	Bio
1	<b>Edwin Thumboo</b> 	Edwin Thumboo ialah Profesor Emeritus dan Felo Profesor di Universiti Nasional Singapura, di mana beliau merupakan Dekan Fakulti Sastera dan Sains Kemasyarakatan yang pertama. Anugerah yang pernah beliau terima termasuk Anugerah Buku Majlis Pembangunan Buku Kebangsaan Singapura untuk Puisi, Anugerah Penulisan Asia Tenggara, Pingat Budaya Singapura, Anugerah Kebudayaan dan Komunikasi ASEAN dalam Kesusasteraan, Anugerah Raja Rao dan Pingat Jasa Gemilang Singapura. Pesta Puisi Singapura (2015) ialah usaha permulaan beliau yang terbaru.



# Singapore Book Council

Building Our Imagine-nation

## Lampiran D: Tentang Majlis Buku Singapura

Majlis Buku Singapura (SBC) adalah badan kebajikan bebas dengan status IPC. Ia ditubuhkan pada tahun 1968 untuk menyokong penulis dan sastera Singapura. Dengan ikrar *Building Our Imagine-nation*, SBC bertujuan untuk mengembangkan kreativiti, imaginasi, pemikiran asli dan empati. Program kami memberi tumpuan kepada penulisan kreatif, pembacaan, ilustrasi, terjemahan dan penceritaan. Kami bertekad untuk membina sektor seni sastera pelbagai bidang dan budaya melalui festival-festival, bengkel-bengkel latihan dan kursus-kursus kami, serta anugerah buku untuk mengiktiraf kecemerlangan.

**Visi:** Pengiktirafan antarabangsa untuk sastera Singapura yang berkualiti dan merangkumi kepelbagaian.

**Misi:** Untuk membina, menyokong dan mengadvokasikan sebuah sektor seni sastera pelbagai budaya.

SBC kini dipengerusikan oleh Puan Claire Chiang, pengasas-bersama Banyan Tree Hotels and Resorts.

Majlis Buku mengembangkan dan mengadvokasi buku-buku dan seni sastera Singapura dengan menganjurkan pelbagai festival, termasuk Festival Asia Kandungan Kanak-kanak (AFCC) yang diadakan setiap tahun; memberikan anugerah berprestij seperti anugerah kebangsaan dwitahunan, Hadiah Sastera Singapura; menyokong jangkauan masyarakat melalui gerakan #BuySingLit; dan membina keupayaan profesional melalui program-program Akademi kami.

Kerana ia semua bermula dengan sebuah cerita.

SBC disokong oleh Majlis Kesenian Kebangsaan Singapura di bawah Skim Syarikat Utama untuk tempoh dari 2022 hingga 2024. Untuk maklumat lebih lanjut, sila lungsur [www.bookcouncil.sg](http://www.bookcouncil.sg).



# Singapore Book Council

Building Our Imagine-nation

## Lampiran E: Tentang Anugerah Sastera Singapura

Dimulakan pada 1992, Hadiah Sastera Singapura (SLP) ialah hadiah sastera unggul di Singapura dengan lebih daripada 80 pemenang. Hadiah ini sebuah pertandingan dwitahunan dan dibuka kepada warganegara dan Penduduk Tetap Singapura yang mana karya fiksyen, puisi, dan bukan fiksyen kreatif mereka telah diterbitkan di Singapura atau luar negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Karya mereka boleh diterbitkan dalam sebarang bahasa rasmi Singapura iaitu Bahasa Cina, Inggeris, Melayu, atau Tamil.

Hadiah tertinggi bernilai S\$3,000 dianugerahkan kepada pemenang dalam setiap kategori. Pemenang juga akan menerima sebuah piala khas.

SLP telah dianugerahkan setiap dua tahun dan dianugerahkan kepada karya yang diterbitkan dalam empat bahasa Singapura sejak 2004. Hadiah ini diperluaskan pada tahun 2014 dan merangkumi kategori untuk genre bukan fiksyen kreatif dan puisi.

Antara penulis Singapura terkemuka yang telah dianugerahkan SLP, termasuk Mohamed Latiff Mohamed, Yeng Pway Ngon, KTM Iqbal, Cyril Wong, Josephine Chia, Amanda Lee Koe dan Sonny Liew.

Untuk maklumat lanjut, sila lungsur <https://bookcouncil.sg/awards/singapore-literature-prize>